

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
(LEMBAH PANTAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.03.2014**

**Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ LEMBAH PANTAI ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) kegagalan untuk mengawal nilai Ringgit Malaysia yang mengalami kejatuhan paling rendah dalam 24 tahun di mana nilainya susut RM2.6300 berbanding dolar Singapura; dan
- (b) tindakan Kerajaan mengawal kemerosotan nilai mata wang tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bank Negara Malaysia (BNM) tidak menyasar sebarang tahap bagi kadar pertukaran ringgit berbanding dengan mana-mana mata wang tunggal, termasuklah dolar Singapura. Semenjak 21 Julai 2005, ringgit beroperasi di bawah sistem kadar pertukaran apungan terurus (*managed float*) berbanding dengan sekumpulan mata wang rakan perdagangan utama negara. Ini lebih mencerminkan sifat hubungan dagangan negara yang pelbagai.

2. Walaupun nilai ringgit menyusut sebanyak 12.8% berbanding dolar Singapura, ringgit telah meningkat sebanyak 15.9% berbanding dengan dolar AS dan meningkat secara purata sebanyak 9.2% berbanding dengan mata wang sepuluh rakan dagangan[1] utama negara pada tempoh yang sama. Kedudukan ringgit ditentukan oleh kuasa pasaran. Dalam jangka masa pendek, pergerakan ringgit ditentukan oleh sentimen pasaran terhadap perkembangan global dan domestik. Memandangkan sentimen pasaran mudah berubah, kadar pertukaran akan naik atau turun pada jangka masa pendek. Manakala, untuk jangka masa panjang, trend asas pergerakan ringgit mencerminkan asas-asas ekonomi negara.

3. Seperti yang telah dinyatakan, Bank Negara Malaysia (BNM) tidak mempunyai sebarang sasaran tahap bagi kadar pertukaran ringgit. Walau bagaimanapun, memandangkan pergerakan kadar pertukaran jangka pendek yang tidak menentu, BNM akan terus memastikan bahawa keadaan di pasaran pertukaran asing kekal teratur. Pasaran pertukaran asing ringgit yang lebih mendalam dan liberalisasi akaun kewangan telah membolehkan pepadanan permintaan dan penawaran ringgit yang lebih baik. Ia juga telah menyediakan ruang untuk perlindungan nilai (*hedging*) terhadap risiko kadar pertukaran.

[1 ]Singapura, Republik Rakyat China, Amerika Syarikat, Jepun, Thailand, Hong Kong SAR, Republik Korea, China Taipei, Jerman dan India dari Julai 2005 hingga November 2013. *Sumber: World Trade Atlas*